



JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERSEPSI NEGATIF NETIZEN – “JPJ MELINDUNGI LORI BALAK”

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia ingin membuat penjelasan mengenai tindakan netizen yang telah memuatnaik satu video yang tular di laman media sosial pada hari ini, yang memaparkan kenderaan Jabatan sedang mengiringi beberapa buah lori balak di kawasan Gua Musang, Kelantan, yang sebenarnya adalah sebahagian daripada **“Ops Khas Lori Balak”**, yang telah dilaksanakan oleh pihak JPJ Negeri Kelantan, pada 3 Januari, lalu.

Di mana, menerusi Ops Khas tersebut, pihak JPJ telah berjaya menahan sebanyak 30 buah lori balak di hadapan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang, dan telah bertindak di dalam melakukan pemeriksaan, sebelum kesemua lori balak yang terlibat telah diarahkan untuk ditimbang di Stesen Penguatkuasa (SPK) Mentara, yang telah diiringi oleh kenderaan rasmi Jabatan.

Dalam operasi tersebut, JPJ telah mengeluarkan **56 notis kesalahan**, iaitu 23 notis di bawah Seksyen 82(1) Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010, 2 notis di bawah Seksyen 224 APAD 2010, 31 notis bagi lain-lain kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Adalah sesungguhnya, tindakan kenderaan Jabatan sedang mengiringi lori-lori tersebut adalah semata-mata bertujuan bagi memastikan supaya pemandu-pemandu lori terlibat TIDAK meloloskan diri daripada kawalan pihak Jabatan dan akan terus pergi ke lokasi yang telah diarahkan, untuk tujuan ditimbang berat muatannya. Selain daripada itu, tindakan mengiringi lori-lori balak tersebut juga adalah merupakan salah satu SOP Jabatan dalam memastikan aspek keselamatan pengguna-pengguna jalan raya lain adalah terjamin daripada risiko sebarang kemalangan yang berkemungkinan akan berlaku, jika ia tidak dilaksanakan (mengiring lori), semasa perjalanan konvoi lori balak tersebut ke SPK Mentara, Gua Musang, Kelantan.

Pihak JPJ memandang serius akan sebarang persepsi negatif yang telah dibuat terhadap Jabatan yang didakwa seolah-olah memberi 'perlindungan' kepada lori-lori balak tersebut, yang telah dikongsi melalui pemilik akaun tersebut, yang dilihat telah mencalarkan imej Jabatan tanpa si pemilik akaun media sosial tersebut mengetahui akan gerak kerja sebenar oleh Jabatan, di dalam menangani isu lori-lori balak yang disyaki membawa lebih muatan (*over-loading*), ini.

Pihak JPJ tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan susulan dalam membuat laporan polis, sekiranya didapati tuduhan tersebut mampu menggugat kreadibiliti dan imej JPJ, dalam melaksanakan tugas rutin sebagai suatu badan penguatkuasa jalan raya, demi kemaslahatan seluruh masyarakat di negara ini, khasnya.

**IBU PEJABAT
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

4 JANUARI 2022

[TAMAT]